



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/ UPKL/ Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:-

Bil.	Pejabat Yang Memanggil Tender	Nombor Tender Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh dan Waktu Tender Tutup
1.	Bahagian Mekanikal & Elektrikal, Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	JPSWPKL/ME/01/2023 KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI RUMAH PAM DATO' KERAMAT, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	Bumiputera / T1	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah. Gred : G5 Kategori : ME Pengkhususan : M22	Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Wilayah Persekutuan, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur 5.07.2023 (Rabu) Hingga 26.07.2023 (Rabu)	RM 100.00 Akauntan Negara Malaysia-NRECC	Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Wilayah Persekutuan, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur 26.07.2023 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari

Lawatan Tapak / Taklimat Projek adalah **DIWAJIBKAN**. Berkumpul di Bilik Mesyuarat Utama, JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 4.07.2023 (Selasa), masa : 10.00 pagi.

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam Sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Akauntan Negara Malaysia-NRECC-T. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkenaan)** berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil Kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

*Jenis Syarikat :

- T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan
- A1 - Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia yang mempunyai Pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara tempatan
- A2 - Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan